

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AMIR BIN OMAR, SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK
BAGI MAJLIS PENUTUPAN RASMI JBSNS ESPORTS CARNIVAL 2021
SEMPENA
SAMBUTAN BULAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK
TARIKH: 18 OKTOBER 2021
TEMPAT: APLIKASI ZOOM (ATAS TALIAN)

ASSALAMUALAIKUM W.B.T, SALAM SEJAHTERA, SALAM IBU PERTIWIKU.

YBRS. ENCIK LAMAT ANAK NYALAU,
PENGARAH JABATAN BELIA DAN SUKAN, NEGERI SARAWAK

YBRS. ENCIK AFIQ FADHLI NARAWI,
PRESIDEN SARAWAK ESPORTS ASSOCIATION

WAKIL-WAKIL AGENSI,

SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DI KASIHI SEKALIAN.

1. ALHAMDULILLAH DAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN KEIZINAN-NYA MAKA PADA HARI INI, DAPAT KITA BERKUMPUL DAN BERSUA MELALUI APLIKASI ZOOM BAGI PROGRAM TERAKHIR *JBSN ESPORTS CARNIVAL 2021* (BENGKEL ESPORTS) BERSEMPENA SAMBUTAN BULAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK BAGI TAHUN 2021.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

KITA SEDIA MAKLUM BAHAWA NEGARA SEDANG MENGHADAPI FASA KETIGA (PELAN PEMULIHAN NEGARA) DALAM MENANGANI WABAK COVID-19. DI MANA TELAH BANYAK SEKTOR-SEKTOR EKONOMI TELAH DIBENARKAN. WALAU BAGAIMANA PUN, SAYA AMAT YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA PIHAK PENGANJUR TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG KETAT DALAM PEMATUHAN SOP BAGI MEMBOLEHKAN PROGRAM INI DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN TERATUR MELALUI KAEDAH PELAKSANAAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE).

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

2. PIHAK KERAJAAN PADA HARI INI TELAH MEMBERI PERHATIAN KEPADA **ASPIRASI GOLONGAN MUDA** YANG TERDIRI DARIPADA 47% POPULASI MALAYSIA. PERHATIAN KERAJAAN INI JELAS DENGAN MENGANGKAT FRASA “**DEKAD INI DEKAD ANDA**” SEBAGAI TEMA SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PADA TAHUN INI.

KERAJAAN SEDAR DENGAN IMPAK DAN KESAN COVID-19, KERAJAAN PERLU MENYUSUN ATUR DAN MERENCANA SEMULA MASA DEPAN EKONOMI NEGARA BERASASKAN KEPADA KEPERLUAN DAN ASPIRASI ANAK MUDA, KERANA HAMPIR 68% KEKUATAN SUMBER MANUSIA (*LABOUR FORCE*) ADALAH DITUNJANGI OLEH MEREKA YANG BERUMUR BAWAH 40 TAHUN.

3. DALAM **MEMENUHI ASPIRASI ANAK MUDA KHUSUSNYA PENJAWAT AWAM (MUDA) DI SARAWAK** INI, GOLONGAN MUDA PERLU DIDEHAHKAN TENTANG SIFAT PERSAUDARAAN, KESUKARELAAN DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN KEPADA MASYARAKAT. DI SAMPING

ITU, DALAM DIRI GOLONGAN MUDA JUGA PERLU DIPUPUK BUDAYA HORMAT-MENGHORMATI AGAR PERPADUAN DIKALANGAN RAKYAT DAPAT DIPERKUKUHKAN.

DENGAN HASRAT INI, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL INISIATIF MELALUI JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK BERSAMA KERAJAAN NEGERI SARAWAK MENGADAKAN PROGRAM **JBSN EPOSRTS CARNIVAL 2021** BAGI MENZAHIRKAN SOKONGAN TERHADAP GOLONGAN MUDA BUKAN SAHAJA DALAM KOMUNITI TETAPI GOLONGAN MUDA YANG BERADA DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

4. SAYA MERASA AMAT BERTUAH KERANA DIJEMPUT OLEH PIHAK PENGANJUR UNTUK MERASMIKAN PROGRAM PADA KALI INI DAN SAYA JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA KARNIVAL INI TELAH BERLANGSUNG SELAMA SEBULAN BERMULA PADA 7/9/2021 YANG LALU SEHINGGA HARI INI 18/10/2021 DENGAN PELBAGAI SEGMENT DAN AKTIVITI UNTUK GOLONGAN MUDA MAHUPUN PENJAWAT AWAM.

SAYA PERHATIKAN TERDAPAT BANYAK AKTIVITI PERTANDINGAN SEPERTI:

1. MOBILE LEGENDS BANG-BANG
(KATEGORI TERBUKA & PENJAWAT AWAM)
2. PLAYERS UNKNOWN BATTLE GROUND MOBILE (PUBGM)
(KATEGORI TERBUKA)

3. LEAGUE OF LEGEND (LOL) WILD RIFT
(KATEGORI TERBUKA)

DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN;

4. BENGKEL ESPORTS
(TERBUKA & PENJAWAT AWAM)

YANG TELAH DIADAKAN DIMANA IA DAPAT MENYERLAHKAN BAKAT DAN POTENSI GOLONGAN BELIA KHUSUSNYA DALAM GOLONGAN MUDA DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

SAYA AMAT OPTIMIS DAN SENTIASA MENYOKONG PENUH TERHADAP INISIATIF BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DALAM MENONJOLKAN BAKAT DAN POTENSI BUKAN SAHAJA DALAM KHIDMAT HAKIKI SEBAGAI PENJAWAT AWAM, MALAH DALAM BIDANG LAIN SEPERTI BAKAT KEBUDAYAAN, SUKAN DAN KESUKARELAAN.

KEPADA SEMUA PESERTA DAN GOLONGAN MUDA TERUTAMANYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM DI SARAWAK INI. **INGAT PESANAN BIJAK PANDAI..**

**“IF YOU CANNOT DO GREAT THINGS,
DO SMALL THINGS IN A GREAT WAY”**

- Napoleon Hill

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

5. **TAHUN INI MERUPAKAN TAHUN KETIGA PENGLIBATAN JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB** BERSAMA-SAMA PIHAK KERAJAAN NEGERI MENJAYAKAN PROGRAM-PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN BULAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK. SAYA UCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PENGURUSAN JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK, KHUSUSNYA KEPADA **TUAN PENGARAH (ENCIK LAMAT ANAK NYALAU)** ATAS KOMITMEN DAN SUMBANGAN YANG TELAH DIBERIKAN TERHADAP PENGANJURAN PROGRAM INI.

INI MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN PERSEKUTUAN SEDIA UNTUK DUDUK SEMEJA DENGAN PIHAK KERAJAAN DALAM MEMASTIKAN AGENDA/ ASPIRASI GOLONGAN BELIA DAPAT DIJAYAKAN DEMI KEBAIKAN DAN PEMBANGUNAN GOLONGAN BELIA DI SARAWAK.

6. BERTEPATAN DENGAN PENGANJURAN BENGKEL ESPORTS YANG BERLANGSUNG SEBENTAR TADI. PELBAGAI PENGISIAN SEPERTI:-

PENGENALAN PENGGUNAAN SOFTWARE (OBS), BAGI TUJUAN *LIVE STREAMMING* DI MANA DALAM FASA NORMA BAHARU KEHIDUPAN SERTA PERKHIDMATAN AWAM. KITA PERLU DIBEKALKAN ILMU DAN KEMAHIRAN AGAR TIDAK KETINGGALAN DALAM MENYAMPAIKAN MAKLUMAT KEPADA GOLONGAN SASAR.

KEPADA PENJAWAT AWAM YANG BERPOTENSI DALAM PERMAINAN SUKAN ELEKTRONIK (ESPORTS) INI, SAYA AMAT BERHARAP AGAR TUAN/ PUAN BOLEH TERUS MENCEBURI BIDANG INI DAN TIDAK MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB HAKIKI SEBAGAI SEORANG

PENJAWAT AWAM. DI SAMPING SENTIASA MENJAGA IMEJ DAN NAMA BAIK PERKHIDAMATAN AWAM TIDAK KIRA DI PERINGKAT NEGERI MAHUPUN PERSEKUTUAN. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

7. MERUJUK KEPADA LAPORAN TENAGA BURUH, MALAYSIA YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA, KADAR PENGANGGURAN BELIA BAGI UMUR 15 HINGGA 24 TAHUN MENCATATKAN PENINGKATAN BAGI BULAN KEDUA SEBANYAK 0.2 MATA PERATUS KEPADA 13.9 PERATUS PADA OGOS 2021 (JULAI 2021: 13.7%).

BILANGAN PENGANGGUR BELIA ADALAH SERAMAI 321.1 RIBU ORANG SETELAH MENCATATKAN 344.1 RIBU ORANG PADA JULAI 2021. BEGITU JUGA, KADAR PENGANGGURAN BAGI BELIA YANG BERUMUR 15 HINGGA 30 TAHUN NAIK SEBANYAK 0.3 MATA PERATUS MEREKODKAN KADAR 8.8 PERATUS (JULAI 2021: 8.5%).

MANAKALA, PERATUSAN BAGI GOLONGAN BELIA YANG MENDAPAT PENDIDIKAN TERTIARI ADALAH SEBANYAK 32%. LANTARAN ITU, LEBIH BANYAK PERLU DILAKUKAN DEMI MELUASKAN PELUANG GOLONGAN BELIA UNTUK BERJAYA.

8. SUKA SAYA INGIN MENYAMPAIKAN NASIHAT DAN AMANAT KEPADA SEMUA PESERTA JUGA, BAHAWA SUKAN MERUPAKAN ELEMEN/ INSTRUMEN PERPADUAN YANG TERBAIK. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KETEPIKAN BUDAYA RASIS (*RACISM IN SPORTS*) KERANA IANYA AKAN MEMUDARATKAN DAN MENGIKIS NILAI PERPADUAN DAN KEHARMONIAN KAUM YANG MERUPAKAN TUNJANG KEKUATAN NEGERI SARAWAK KHUSUSNYA DAN MALAYSIA AMNYA DALAM MEMASTIKAN KESTABILAN DAN KEHARMONIAN NEGARA TERUS TERPELIHARA.

9. AKHIR KATA SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH SEKALI LAGI KEPADA SELURUH JAWATANKUASA JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK YANG TELAH MENJAYAKAN PROGRAM INI.
10. TIDAK LUPA JUGA UCAPAN PENGHARGAAN DIPANJANGKAN KEPADA SEMUA AGENSI YANG TURUT BERSAMA MENJAYAKAN PROGRAM INI TIDAK KIRA SEBAGAI PESERTA MAHUPUN JAWATANKUASA PELAKSANAAN.

SAYA AKHIRI UCAPAN SAYA DENGAN DUA RANGKAP PANTUN:

**PERGI KE KEBUN MEMAKAN RAMBUTAN,
MAKAN RAMBUTAN DENGAN TANGAN,
JBSNS ESPORTS CARNIVAL MENDAPAT SAMBUTAN,
DISAMBUT BAIK PELBAGAI GOLONGAN.**

**HARI SABTU PERGI KE PEKAN,
PERGI KE PEKAN BERSAMA HILMI,
SYABAS WARGA JBSNS SAYA UCAPKAN,
BERSAMA UCAPAN KATA PERASMI.**

DENGAN LAFAZ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SAYA MENUTUP RASMI, PROGRAM **JBSNS ESPORTS CARNIVAL 2021** SEMPENA BULAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM 2021.

WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM W.B.T.

SEKIAN, TERIMA KASIH.